



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
BLOK K, ARAS 2  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
PETI SURAT 12579  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2095 6523  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : prot@kpkt.gov.my

---

( 21 ) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 27

30 Oktober 2009

### **-SIARAN AKHBAR-**

## **PROGRAM KOMUNITI HARMONI SEMPENA SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA 2009**

Kuala Lumpur, 31 Oktober 2009 – Sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2009 Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mengadakan Program Komuniti Harmoni di Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu Muda Jalan Ipoh Kuala Lumpur.

*United Nations Human Settlements Programme (UN-HABITAT)* adalah satu badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang beribu pejabat di Nairobi, Kenya, sejak tahun 1978, yang mana telah menggariskan bahawa badan ini bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan program peningkatan kualiti petempatan manusia ke arah lebih sihat, selamat dan mampan.

Pada tahun 1985, **Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah melantik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai *National Focal***

**Point** untuk menyelaraskan semua aktiviti UN-HABITAT di Malaysia. Ini termasuk menghadiri mesyuarat berkala, persidangan dan menyelaraskan sambutan Hari Habitat Sedunia setiap tahun.

Hari Habitat Sedunia yang disambut setiap tahun adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai keadaan petempatan manusia semasa; Hak setiap individu untuk memiliki tempat tinggal yang selesa; dan mengingatkan masyarakat dunia mengenai tanggungjawab masing-masing terhadap masa depan penempatan manusia. Hari Habitat Sedunia disambut pada **hari Isnin pertama bulan Oktober pada setiap tahun. Tema sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini ialah “Merancang Masa Depan Bandar Kita” (Planning Our Urban Future)**

Merancang masa depan bandar kita ialah satu pemilihan tema yang cukup tepat pada masa ini, di mana seluruh dunia mengalami perubahan drastik di bandar-bandar utama dari pelbagai aspek. Bandar-bandar di Malaysia misalnya, sedang dilanda isu **gejala sosial, perubahan iklim dan perubahan dari segi ekonomi dan politik**. Situasi ini memerlukan **perancangan yang rapi dan penyelesaian segera** supaya generasi akan datang, yang akan berhijrah dan tinggal di bandar, tidak menerima kesan buruk daripada kejadian-kejadian yang berlaku hari ini.

Tema "Merancang masa depan bandar kita" ini juga menunjukkan bahawa perancangan bandar bukanlah satu aspek yang boleh diambil mudah dan perlu difikirkan dari sekarang. Bagi memeriahkan lagi suasana sambutan pada kali ini KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara akan menganjurkan Program Komuniti Harmoni di PPR Batu Muda, Kuala Lumpur pada 31 Oktober 2009 (Sabtu).

Program Komuniti Harmoni ini melibatkan penyertaan penghuni-penghuni PPR Batu Muda bagi menjalankan aktiviti gotong-royong, penanaman pokok, kempen kesihatan, demonstrasi pemadaman api oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, sukan rakyat dan pertandingan mewarna kanak-kanak yang mana Duta KPKT, Cik Adibah Noor, akan menjadi hos dan membuat persembahan pada hari tersebut.

\*\*\*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

*Di keluarkan oleh:*

*Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my); Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat [jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my)*